



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM HARI INDUSTRI JUALAN  
LANGSUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI MELAKA**

**PADA**

**15 OKTOBER 2022 (SABTU)**

**TEMPAT**

**MAHKOTA PARADE, MELAKA**

**Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia**

**Salutasi**

**Pendahuluan**

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita semua dapat berkumpul pada hari ini bagi menjayakan **Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2022.**
2. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka, Pegawai-Pegawai Jabatan Persekutuan dan Negeri, Persatuan Jualan Langsung Malaysia iaitu *Direct Selling Association Malaysia (DSAM)*, *Malaysian Direct Distribution Association (MDDA)* dan pemimpin-pemimpin masyarakat atas kerjasama dan sokongan dalam menjayakan semua inisiatif untuk Keluarga Malaysia yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

3. Untuk makluman, KPDNHEP sentiasa komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan industri perdagangan dalam negeri secara keseluruhan terutamanya industri perkhidmatan termasuk industri jualan langsung. Kementerian bertanggungjawab untuk mengawal selia industri jualan langsung selaras dengan peruntukan **Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 [Akta 500]** termasuk **Garis Panduan, Peraturan dan Syarat Lesen yang berkuat kuasa.**
  
4. Semua sedia maklum bahawa jualan langsung ialah salah satu bentuk jualan tertua dan paling tradisional di seluruh dunia, yang melibatkan interaksi langsung antara penjual dan pembeli. Hari ini, ia merupakan industri yang berjaya beroperasi di lebih 100 negara dengan saiz pasaran global bernilai USD 200.1 bilion (2022) dan dijangka mencecah USD 286.7 bilion menjelang 2028.
  
5. Di Malaysia, Kerajaan sangat menghargai sumbangan industri jualan langsung di mana statistik nilai jualan syarikat jualan langsung pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan kepada RM25.7 bilion berbanding RM17.9 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 43.6%.

6. Berdasarkan Laporan Jualan Peruncitan Jualan Langsung Global 2021 yang dikeluarkan oleh Persekutuan Persatuan Jualan Langsung Dunia atau World Federation of Direct Selling Associations (WFDSA), Malaysia kini berada pada kedudukan keenam (ke-6) di peringkat global dan tempat keempat (ke-4) di Asia Pasifik dari segi rekod nilai jualan. Pencapaian ini membuktikan bahawa pertumbuhan industri jualan langsung adalah amat dinamik dan mampu berkembang menjadi satu industri besar yang menyumbang kepada ekonomi domestik negara.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Usaha dan strategi yang holistik perlu dilaksanakan bagi memastikan persepsi masyarakat mengenai perniagaan jualan langsung kekal positif, memandangkan sebelum ini banyak pihak masih menganggap bahawa industri ini mempromosikan perniagaan berasaskan skim piramid atau skim cepat kaya. Walau bagaimanapun, perniagaan ini kini telah terbukti mampu menjadi sumber untuk menjana pendapatan melalui syarikat pemegang Lesen Jualan Langsung yang sah.

8. Industri jualan langsung ini juga telah menyumbang dengan ketara kepada pembangunan kemahiran, pertumbuhan teknologi, pertumbuhan sektor PKS dan pemerksaan wanita yang merupakan warga majoriti iaitu sebanyak 64% yang bergiat aktif dalam industri ini.
  
9. Oleh itu, KPDNHEP bersama-sama rakan strategik lain akan meneruskan usaha untuk merencanakan lagi pertumbuhan industri jualan langsung. Namun, dalam masa yang sama, adalah penting untuk mengawal selia syarikat jualan langsung supaya mempunyai lesen yang sah daripada Kementerian. Aduan-aduan yang diterima melibatkan pelanggaran dan ketidakpatuhan kepada peruntukan undang-undang dan peraturan di bawah Akta 500 akan diambil tindakan serius.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

10. Pada penghujung Mei lalu, KPDNHEP melancarkan **Pelan Hala Tuju Jualan Langsung (PHTJL) 2021- 2025** yang merupakan kesinambungan terhadap hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) pada 2021-2025 bertujuan dalam menggalakkan pertumbuhan industri jualan langsung negara serta meningkatkan nilai jualan sektor berkenaan menjelang 2025.
  
11. Sebanyak **lima (5) teras strategik** telah dikenal pasti dan dibangunkan melalui Pelan ini, yang meliputi usaha meningkatkan profesionalisme industri jualan langsung, memantapkan dasar penyampaian, meningkatkan kredibiliti perundangan, meningkatkan usahasama dan kerjasama strategik antara kerajaan dan mendaya upaya golongan B40 dan M40.

12. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik ini akan diperkukuhkan oleh prinsip dan landasan yang menjadi tunjang kepada kelangsungan pertumbuhan industri jualan langsung negara seperti **pendaftaran lesen, penguatkuasaan dan pematuhan, latihan, pendigitalan, pembangunan domestik dan antarabangsa serta pengukuhan hubungan dengan rakan strategik KPDNHEP.**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

13. Secara keseluruhannya, program yang dianjurkan ini merupakan manifestasi Kerajaan kepada usaha pembangunan berterusan industri jualan langsung yang lebih agresif bagi memastikan industri ini menjadi salah satu sektor utama yang menyumbang kepada pendapatan negara.

14. Kementerian berharap, program-program seperti ini akan menyatukan dan menggerakkan komitmen semua pihak yang terlibat bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan dan akan ditunjangi oleh suatu usaha yang kolektif serta bersepadu bagi perkembangan industri jualan langsung yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

## **Penutup**

17. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis perasmian Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia peringkat negeri Melaka pada hari ini.

Dengan ini, saya merasmikan **Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2022.**

Sekian, salam hormat dan terima kasih.